Berdasarkan kadar elaun baharu tersebut, peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi pembayaran elaun pelatih PISMP dan PPISMP adalah dianggarkan sebanyak RM64.5 juta, termasuk untuk menampung keperluan peruntukan elaun dan tambang sehingga bulan Disember 2017. Atas dasar menjaga kepentingan dan kebajikan pelajar, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjajarkan semula peruntukan sedia ada di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sehingga bulan Julai 2017, keperluan tambahan yang diturunkan kepada IPGM menggunakan penjajaran dalaman Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sebanyak RM19,536,620 termasuk elaun pelajar bulan Ogos 2017. Jumlah peruntukan yang telah diturunkan kepada IPGM sehingga 31 Julai 2017 adalah berjumlah RM39,536,620.

Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menjelaskan sekali lagi bahawa pelajar IPG sedia ada iaitu ambilan sebelum Jun 2017 akan terus menerima elaun seperti yang telah diselaraskan mulai 1 Januari 2017, iaitu pada kadar RM430 sebulan di samping belanja tambang pergi balik pada kadar maksimum RM500 untuk sekali dalam setahun sehingga tamat pengajian. Bagi pelajar IPG Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) ambilan baharu, bulan Jun 2017, bayaran elaun sara hidup dan belanja tambang balik untuk sekali setahun akan terus dibayar sepanjang tempoh program PPISMP (satu tahun).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelarasan kadar elaun baharu pelajar PISMP ini adalah sebagai langkah penyesuaian kepada peruntukan yang ditetapkan untuk elaun pelajar IPG bagi tahun 2017. Namun, sebagai usaha meringankan beban pelajar IPG berikutan penyelarasan kadar elaun ini, yuran penginapan asrama sebanyak RM80 sebulan yang dikenakan ke atas pelajar sebelum ini dimansuhkan. Bagi pelajar baharu ambilan bulan Jun 2017 yang menyambung pengajian ke PISMP (tempoh pengajian empat tahun), yuran pengajian berjumlah RM27,831 masih ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga sedang meneliti tentang kadar elaun kepada kumpulan pelajar baharu IPG ini serta memohon pertimbangan dan kelulusan agensi pusat. Bagi tahun 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membida peruntukan elaun pelajar IPGM tahun 2018 sebanyak RM70,956,850 semasa sesi pemeriksaan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Tahun 2018. Permohonan peruntukan ini juga telah diperakukan oleh Kementerian Kewangan sewaktu sesi pemeriksaan ABM tersebut.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menegaskan bahawa isu elaun guru pelatih IPG tidak akan menjejaskan bilangan bakal guru yang akan dikeluarkan oleh KPM seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat. Pandangan bahawa isu ini akan merencatkan pembangunan pendidikan generasi akan datang juga merupakan satu tuduhan yang tidak tepat untuk mengelirukan masyarakat seolah-olah Kementerian Pendidikan Malaysia berniat untuk membebankan pelajar IPG. Ia juga seolah-olah menafikan peranan guru-guru yang sentiasa berkorban mendidik anak bangsa. Ciri-ciri guru Malaysia yang sedia

berkhidmat dan berkongsi situasi semasa negara telah mula disemai di peringkat latihan pra-perkhidmatan dan dihayati sepanjang masa dalam profesion keguruan.

Pada masa ini, jumlah ambilan PPISMP tahun 2017 di IPG seluruh negara ialah seramai 2,381 orang. Unjuran pengambilan PPISMP untuk lima tahun yang akan datang stabil pada angka 3,200 orang setahun. Kementerian Pendidikan Malaysia yakin bekalan guru adalah mencukupi dan menghampiri tahap pengisian penuh. Tambahan pula, IPG hanya menyediakan latihan guru untuk peringkat sekolah rendah. Latihan guru di peringkat menengah dijalankan di universiti awam yang tidak menyediakan kemudahan elaun seperti pelatih IPG.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia yakin bilangan calon yang berminat menjadi guru akan bertambah setiap tahun. Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus komited menyediakan guru-guru yang berkualiti bagi meningkatkan standard pendidikan negara dan memastikan IPG dapat meningkatkan standard pendidikan di Malaysia melalui latihan dan pembangunan pendidikan guru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya, Kementerian Pendidikan Malaysia akan sentiasa berusaha menjaga kebajikan semua pihak yang berkepentingan dalam memastikan kelangsungan pendidikan di Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Pendidikan telah mengadakan perbincangan lanjut dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertimbangkan semula perkara ini dan akan mencari penyelesaian yang paling wajar demi kepentingan semua pihak. Walau bagaimanapun, penyelarasan program dan bantuan pendidikan perlu dilakukan sejajar dengan kedudukan kewangan negara tanpa mengorbankan tanggungjawab utama menyediakan bekalan guru yang berkualiti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Cuma Yang Berhormat Menteri, saya hendak dapatkan pengesahan, elaun RM430 itu akan dimansuhkan atau tidak mulai Jun 2018?

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ia tidak dimansuhkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Apa yang dimansuhkan maksud saya sebentar tadi ialah yuran penginapan asrama sebayak RM880 sebulan yang dikenakan ke atas pelajar sebelum itu dimansuhkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Maknanya kenyataan surat khabar selama ini tidak tepatlah yang mengatakan– sebab kita pun dapat pembacaan. Saya pun agak gusar dan bimbang dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh surat khabar mengatakan mulai Jun 2018 semua elaun IPG akan dimansuhkan.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap penjelasan ini akan memberi lebih jernih dan harap

pihak Yang Berhormat juga akan membantu kita menyebarkan maklumat yang tepat, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kena buat kenyataan baru ini sebab keluh kesah timbul, sebab itu Yang Berhormat menimbulkan isu ini. Bahkan lebih baik kerana yuran RM80 sebulan itu dimansuhkan dan keistimewaan yang lain diberikan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Lebih Rumah Mampu Milik kepada Rakyat Sabah**

**2.48 ptg.**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 17 mengenai ucapan penangguhan kepada Kamar Khas, saya menujukan ucapan saya kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang lebih rumah mampu milik kepada rakyat Sabah. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan rakyat Sabah menghadapi kesusahan di mana pendapatan lebih rendah dari Semenanjung Malaysia manakala kos kehidupan lebih tinggi dari Semenanjung Malaysia, sudah tentu akan lebih susah bagi orang Sabah untuk membeli dan memiliki sebuah rumah.

Mengikut laporan kajian penyelidik, harga rumah di Sabah adalah lebih tinggi dari Semenanjung Malaysia. Tambahan pula indeks ketidakmampuan perumahan bagi orang Sabah adalah lebih tinggi dari Semenanjung Malaysia. Ini menunjukkan bahawa keperluan rumah mampu milik bagi rakyat Sabah adalah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan pelaksanaan sistem sewa beli di Projek Perumahan Rakyat (PPR). Buat permulaan, rumah ini di lima PPR yang melancarkan sistem tersebut iaitu dua di Selangor dan masing-masing satu di Negeri Sembilan, Kelantan dan Kuala Lumpur.

**■1450**

Saya anggap sistem ini adalah satu inisiatif yang baik untuk membantu golongan berpendapatan rendah khususnya bagi rakyat Sabah yang lebih susah memiliki sebuah rumah. Akan tetapi kenapa ia tidak dilaksanakan di Sabah? Jika ia hanya permulaan, bila sistem ini akan dilaksanakan di Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keperluan PPR di negeri Sabah adalah amat besar. Akan tetapi PPR di Sabah adalah tidak mencukupi dan ia tentu mengecewakan rakyat kerana sistem sewa beli ini tidak dapat dilaksanakan akibat kekurangan PPR di Sabah.

Saya menyeru bahawa kerajaan perlu mempercepatkan pembinaan PPR di Sabah dan menambah bilangan rumah PPR di Sabah supaya keperluan rakyat Sabah dapat disampaikan secepat mungkin. Saya juga harap bahawa kerajaan harus mulai melancarkan kadar sewa beli di PPR Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu mengikut Yang Berhormat Menteri yang berkata dalam satu kenyataan media, di bawah sistem sewa beli seunit PPR yang berharga RM160,000 akan dijual pada harga RM35,000 di Semenanjung dan RM40,000 di Sabah dan Sarawak kepada mereka yang berpendapatan RM2,500 ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mempersoalkan tentang ketidaksamarataan antara harga PPR di Semenanjung dan Sabah serta Sarawak. Ianya adalah amat tidak adil sedangkan pendapatan Sabah adalah lebih rendah dari Semenanjung.

Akhir sekali saya minta maklumat secara terperinci tentang perumahan PR1MA di negeri Sabah, adakah purata harga penjualan PR1MA di Sabah berbanding dengan PR1MA di Semenanjung. Berapa rumah telah dihuni dan berapa keluarga dimanfaatkan? Berapa telah dan akan dibina di seluruh Sabah? Saya mohon penjelasan secara terperinci. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**2.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejuk betul bilik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Namalah kamar.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya itulah namanya kamar, lepas itu khas pula. Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada kawasan Sandakan. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat teliti usul Yang Berhormat ini ada empat perkara Yang Berhormat bawa ya.

(i) Kenapa RTO ataupun sistem sewa beli projek PPR tidak buat dekat Sabah;

(ii) Supaya lancarkan kempen atas perkara yang sama juga, rumah sewa beli *rent to own (RTO) after this;*

(iii) Persoalkan ketidaksamarataan dari segi harga PPR Semenanjung, Sabah dan Sarawak; dan

(iv) Tentang PR1MA. PR1MA ini banyak perkara Yang Berhormat bangkitkan ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab pada tiga perkara yang Yang Berhormat bawa

pada usul ini. Akan tetapi perkara yang berkaitan dengan PR1MA Yang Berhormat, saya nasihatkan Yang Berhormat bawa usul kepada Jabatan Perdana Menteri kerana PR1MA bukannya di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Yang Berhormat. *So,* semua soalan Yang Berhormat bangkitkan tentang PR1MA tadi saya nasihatkan bawa usul satu kepada Jabatan Perdana Menteri. *Insya-Allah* Yang Berhormat Arau yang akan menjawab. *So I'll*

*be answering three of your issues* dengan izin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Sandakan. Jadi, Yang Berhormat kena dengar betul-betul maklumat saya supaya Yang Berhormat tidak keliru. Jadi, kalau Yang Berhormat dengar betul-betul, jadi mungkin tidak adalah buat *statement* dekat surat khabar Yang Berhormat tidak faham maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sewaktu menjawab soalan lisan secara bertulis Yang Berhormat tempoh hari berkaitan dengan rumah mampu milik RM1 juta itu.

Jadi, kalau Yang Berhormat faham dan Yang Berhormat akan tahu bahawa Sabah mendapat bilangan yang paling banyak. Jangan bandingkan dengan Kedah. Kedah kenapa 72 peratus, kenapa Sabah 24 peratus. Ini kerana bilangan Kedah lebih sedikit daripada berbanding dengan Sabah. *Percentage different,* dengan izin Sabah dengan Kedah ialah 1.58 peratus. Jadi ini rumah mampu milik yang dipertikaikan oleh Yang Berhormat baru-baru ini mungkin kerana Yang Berhormat tidak faham maklumat yang diberikan dalam jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jumlah unit banyak Sabah.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Banyak Sabah Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini jawapan saya, Yang Berhormat dengar betul-betul ya. Tuan Yang di-Pertua, saya memaklumkan PPR ini Yang Berhormat kita ada dua jenis. Satu PPR disewa, satu PPR dimiliki. PPR disewa dan PPR dimiliki. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Yang Berhormat, amat maklum tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat bandar terutama rakyat bandar yang tidak memiliki rumah yang berpendapatan rendah.

Jadi maka kerana itu kerajaan wujudkan pembinaan rumah, dasar pembinaan rumah PRR ini sama ada disewa atau dimiliki bermula pada tahun 2001. Untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah yang tidak ada kemampuan untuk membeli rumah yang dibangunkan oleh syarikat swasta. Kedua ialah bagi penempatan semula setinggan-setinggan yang ada.

Maka kerana itu Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 27 Februari 2007. Saya sebut tadi bermula pada tahun 2001. Dalam Mesyuarat Kabinet Jemaah Menteri 27 Februari 2002 telah pun menetapkan Tuan Yang di-Pertua, harga jualan bagi PPR dimiliki adalah pada kadar walaupun kos pembinaan ialah pada kadar RM160,000. Kadang-kadang ada tempat sampai mencecah kepada RM180,000 tetapi walaupun kadarnya begitu tinggi dari segi kos pembinaan seunit di Semenanjung Malaysia, kita jual pada kadar RM35,000. Bagi kawasan Sabah dan Sarawak, kadar pembinaan satu unit mencapai sehingga RM200,000. Akan tetapi harga jualan yang dijualkan adalah sebanyak RM42,000 seunit bagi Sabah dan Sarawak.

Saya akan beritahu dengan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat tanya kenapa ketidaksamarataan, itu akan belakang nanti saya akan terangkan. Bagi kadar PPR yang disewa ini Tuan Yang di-

Pertua, adalah pada kadar RM124 sebulan. Jadi kalau kerajaan negeri rasa dia hendak tingkatkan kadar sewaan itu dari RM124 sebulan dia kena maklumkan kepada pihak kementerian. Jangan buat macam Kerajaan Negeri Selangor, Lembah Subang 1 dari RM124, dia naikkan sehingga RM250, dia tidak maklum pun kepada kementerian. Dia sendiri buat keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sewaan bulanan dapat ke kerajaan negeri, Kerajaan Pusat?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Kepada kerajaan negeri Tuan Yang di-Pertua, untuk kos...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baik Kerajaan Pusat ya.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya. Kepada kerajaan negeri untuk penyelenggaraan dan sebagainya. Memang Kerajaan Persekutuan ini sangat baik. Kalau mungkin agaknya pada pandangan ada sesetengah kerajaan negeri kalau dia bina dia mungkin bagi kepada apa sasaran yang ada dari segi politik. Akan tetapi pada Kerajaan Persekutuan, sama ada dia negeri yang menyokong kepada Kerajaan Persekutuan, negeri BN atau bukan BN, apa yang diberikan kepada rakyat dia sama. Tidak kiralah dia negeri pembangkangkah, negeri menyokong BNkah, layanan keutamaan pembelaan diberikan kepada rakyat adalah sama rata.

Jadi walaupun kepada kerajaan negeri pembangkang, kita buat rumah. Tanah datang daripada *state* dan kemudian kita serahkan hak pemilihan dari segi senarai dan sebagainya dan kemudian bila kutipan sewa, *state* akan gunakan untuk penyelenggaraan. Itu saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat faham ya setakat ini ya. Okey bagus.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cikgu ini, ini cikgu sebab itu dia macam sekolahkan kita. *[Ketawa]*

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Saya dapat elaun RM345 dahulu. Dahulu, jadi bila Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan kadar itu sudah naik *alhamdulillah* pembelaan kerajaan kepada guru-guru pelatih. Dahulu saya RM345, tidak ada *hostel.* Itulah gunakan tetapi sekarang sudah bertambah kebajikan yang kerajaan bagi. Keduanya Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada statistik PPR yang kita bina mulai dari tahun 2001 hingga 30 Jun Yang Berhormat. Secara keseluruhan yang melibatkan 15 negeri adalah sebanyak 109,287 unit iaitu 184 projek sama ada di peringkat perancangan, pembinaan dan juga siap.

Daripada 184 projek ini Tuan Yang di-Pertua, dengan jumlah sebanyak 109,287 ini Yang Berhormat, 23.97 peratus maknanya 24 peratus. Sebanyak 24 peratus daripada 180 projek ini iaitu daripada jumlah 39 projek kita buat di Sabah, 26 projek sudah siap, sembilan dalam pembinaan, empat dalam perancangan. Daripada jumlah yang saya sebut tadi, 24 peratus adalah untuk Sabah. Sabah ini Tuan Yang di-Pertua, adalah negeri kedua yang mendapat PPR yang terbanyak selepas Kuala Lumpur. Negeri saya Yang Berhormat cuma dapat 17

projek sahaja. Negeri saya Johor dapat 17 projek sahaja dan 12.28 peratus sahaja untuk Johor. Akan tetapi untuk Sabah adalah negeri kedua selepas Kuala Lumpur. Kita sudah siapkan seperti mana yang saya sebutkan tadi, masih ada 5,025 unit lagi masih dalam proses yang saya sebut dengan Yang Berhormat, sembilan projek yang dalam proses pelaksanaan.

**■1500**

Saya hendak sebut dengan Yang Berhormat tentang RTO, isu kedua Yang Berhormat bangkitkan. Tadi dari segi jumlah PPR saya hendak sebut jenis dia dua jenis. RTO ini Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kita buat untuk kita bantu rakyat berpendapatan rendah RM3,000 *treshold income* pendapatan keluarga RM3,000 ke bawah. Dia tidak ada rumah, kita buat program RTO ini ataupun *rent to own* ini sewa untuk dimiliki. Supaya rakyat kita yang berpendapatan rendah RM3,000 ini dia boleh memiliki rumah melalui bayaran ansuran mudah. Skim sewa beli melalui bayaran ansuran mudah tanpa deposit, tidak ada bayar deposit. Kita letakkan sebagai tempoh selepas dia melalui tempoh dua tahun percubaan. Kita hendak tengok dia bayar dengan baik atau tidak, dia sewakan atau pajakkan kepada pihak ketiga. Ada yang jadikan *homestay* dan sebagainya walaupun tidak ada rumah dia rela duduk di rumah dia dekat setinggan tetapi rumah yang kita bagi itu kadang-kadang digunakan untuk yang lain.

Jadi kalau dia mematuhi kepada syarat kita, kita akan bawa dia masuk dalam program *rent to own*. Ambil tempoh 20 tahun, 25 tahun bayar dalam kadar RM225 sehingga RM255 sebulan. Akhirnya dalam tempoh 20 tahun, 25 tahun dia akan jadi rumah dia. Jadi dia bayar sewa beli, dia bayar sewaan itu yang akhirnya akan jadi sewa beli dan kemudian rumah itu akan jadi kepunyaannya. Kenapa kita buat *rent to own* ini? Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat *because this people they are not bankable,* dengan izin. Dia tidak dapat apa-apa pinjaman daripada institusi kewangan. Mungkin dia tidak ada pendapatan tetap, dia tidak ada slip gaji, banyak syarat-syarat institusi kewangan yang tidak dapat dipenuhi sedangkan mereka ini layak untuk mendapat rumah dari segi syarat yang ditetapkan oleh kementerian. Layak untuk beli rumah itu tetapi mereka kita kasihan dengan mereka kerana mereka tidak mampu untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan.

Maka kerana itu Yang Berhormat, pada 3 Ogos 2016 Jemaah Menteri telah buat keputusan skim sewa untuk dimiliki atau *rent to own* ini kita laksanakan. Tadi Yang Berhormat sebut ada empat PPR. Empat PPR ini Yang Berhormat yang PPR Gua Musang, Kelantan PPR Kampung Hasan Selangor, PPR Lembah Subang 2 Selangor, PPR Ladang Sing Liau Negeri Sembilan. Empat PPR ini kita mulakan dahulu supaya bila kita mulakan program *rent to own* kepada empat PPR baru yang baru sahaja kita bina ini untuk dimiliki. Kita hendak tengok ada masalah dan sebagainya atau tidak kerana adalah merupakan program baru dan sekarang kita akan kembangkan program ini ke negeri-negeri yang lain.

Jemaah Menteri juga telah pun membuat keputusan memberikan mandat kepada kementerian untuk tentukan lain-lain PPR baru yang kita bina boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan jadi PPR *rent to own* ataupun sewa beli. Itu menjawab kepada soalan Yang Berhormat,

kenapa tidak buat di Sabah. Dia tidak ada masalah kenapa tidak buat di Sabah. Saya sudah sebut tadi berapa banyak PPR, 26 projek yang kita bina ada sembilan sedang dalam pembinaan daripada 26 ada sembilan. Sebanyak 26 daripada 39, 26 dan ada sembilan yang sedang dalam pembinaan. Kita tidak ada masalah. Kalau kerajaan negeri buat permohonan, kerajaan negeri boleh buat permohonan untuk tukar status PPR baru yang kita bina untuk dimiliki, yang kita sewa kepada PPR untuk dimiliki iaitu *rent to own.*

Jadi, apa keperluan yang perlu dipenuhi oleh kerajaan negeri, yang pertama permohonan rasmi itu kena datang daripada kerajaan negeri. Kedua, justifikasi mengenai cadangan ini supaya menunjukkan keupayaan makna pembeli itu boleh buat bayaranlah dan dia layak untuk dicadangkan dalam perumahan tersebut. Lokasi dia sama ada di bandar atau di pinggir bandar. Kemudian buat permohonan kepada kementerian dan kita akan angkat kepada Jemaah Menteri untuk dapatkan persetujuan. Ya Yang Berhormat ya. Lepas ini Yang Berhormat balik, Yang Berhormat boleh berbincang dengan kerajaan negeri dan kemudian boleh cadangkan kepada kerajaan negeri. Lagi sembilan yang kita sedang buat itu boleh buat permohonan. *Insya-Allah* tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua untuk kita jadikan dia sebagai PPR *rent to own.*

Isu yang terakhir ketidaksamarataan harga PPR Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Tadi saya sudah sebut, Yang Berhormat sebut dalam usul ini RM40,000 bukan. Rumah PPR yang kita jual di Sabah, Sarawak ialah RM42,000 bukan RM40,000 ya Yang Berhormat. Saya sudah sebut kos pembinaan dia boleh mencapai RM200,000 bagi Sabah dan Sarawak. Bagi Semenanjung dia boleh mencapai sehingga RM160,000 dan kita jual pada kadar RM35,000.

Apa agaknya yang menyebabkan dia berlaku perbezaan. Kita maklum Tuan Yang di-Pertua Sabah, Sarawak kos pengangkutan, penghantaran bahan binaan, perbezaan kadar upah. Kadang-kadang bayaran *compliance charges* dengan izin oleh pihak berkuasa tempatan. Ada lagi syarat-syarat tambahan yang kadang-kadang dikemukakan oleh pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Walau apa pun Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji agar kadar harga jualan PPR ini di seluruh negara ini akan dilihat kembali.

Jadi saya harap saya sudah menjawab kepada semua soalan Yang Berhormat bangkitkan kecuali PR1MA. PR1MA itu bawalah usul minggu hadapan agaknya kepada Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Banyaknya subsidi 75 peratus subsidi.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya 75 peratus Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Daripada harga pembinaan?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berbanding dengan harga jualan?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap Yang Berhormat Sandakan maklum tentang perkara itulah. Minggu hadapan tidak ada Dewan, bawa sahajalah pada bulan Oktober.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Khamis, 10 Ogos 2017. Terima kasih.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.06 petang]***